

Ruj. : MBOT. 600 - 2/3/1 JLD.4 (56)

Tarikh : 30 Jun 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

PEMAKLUMAN: *CONVERSION* BAGI PROGRAM SARJANA MUDA PENGKOMPUTERAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UNTUK MENDAPAT PENGIKTIRAFAN SEOUL ACCORD

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) sedia maklum, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan penandatangan Seoul Accord iaitu perjanjian di peringkat antarabangsa untuk memastikan graduan dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat mempunyai kesetaraan dalam aspek kompetensi dan kualiti. Pada masa ini, terdapat 19 program yang telah menerima pengiktirafan Seoul Accord melalui MBOT.
3. Bagi memberi peluang kepada program-program lain untuk menerima pengiktirafan Seoul Accord, MBOT telah memperkenalkan inisiatif ***conversion*** bagi program-program yang belum mendapat akreditasi MBOT dan pengiktirafan Seoul Accord. Inisiatif ini juga selaras dengan polisi MBOT iaitu mulai tahun 2027, hanya graduan daripada program pengkomputeran dan teknologi maklumat yang diakreditasi oleh MBOT serta diiktiraf Seoul Accord sahaja layak berdaftar sebagai Teknologis Berijazah dan Teknologis Profesional (Ts.) dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (IT), Teknologi Keselamatan Siber (CS) dan Teknologi Senireka dan Kreatif (AM).
4. Selaras dengan inisiatif ini, proses penilaian telah dipermudah dengan hanya melibatkan 12 item penilaian (**Lampiran 1**), seorang panel penilai MBOT dan penilaian secara fizikal dalam satu (1) hari sahaja. Bagi menggalakkan PPT memperoleh pengiktirafan ini, MBOT akan memulangkan RM5,000.00 sebagai rebat fi penilaian daripada fi asal berjumlah RM10,000.00 yang telah dibayar kepada MQA.
5. Bagi tujuan tersebut, PPT hendaklah mengemukakan permohonan beserta bayaran fi penilaian *conversion* kepada MBOT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bersama-sama ini dilampirkan *Guideline on Conversion of Bachelor's Degree in Computing and IT-Related Programmes to Seoul Accord Recognition* serta *Bachelor's Degree in Computing and IT-Related Programmes Conversion Recognition Form* untuk rujukan lanjut. Dokumen-dokumen tersebut juga boleh diakses dan dimuat turun melalui laman sesawang MBOT di www.ttasmbot.org.my.

6. Justeru, MBOT mempelawa PPT untuk mengemukakan permohonan *conversion* bagi program sarjana muda pengkomputeran dan teknologi maklumat untuk pengiktirafan Seoul Accord. Tempoh pelaksanaan inisiatif *conversion* ini adalah bermula pada 1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2027. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan inisiatif ini boleh diajukan kepada sekretariat melalui talian 03-8861 9074 atau emel di ttas@mbot.org.my.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MD FAUZI BIN MD ISMAIL)

Pendaftar

Lembaga Teknologis Malaysia

Salinan kepada:

1. YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda binti Azman
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
62200 Putrajaya
W.P. Putrajaya
2. YBhg. Dato' Profesor Dr. Mohammad Shatar bin Sabran
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
3. YBr. Dr. Shamsuri bin Abdullah
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
62100 Putrajaya
W.P. Putrajaya

**12 ITEMS FOR THE CONVERSION OF BACHELOR'S DEGREE IN COMPUTING
AND IT-RELATED PROGRAMMES TO SEOUL ACCORD RECOGNITION**

No.	Item
1.	Programme curriculum is mapped to and meets the 'knowledge area of competencies'
2.	Programme curriculum is mapped to and meets the 'expected technology and technical competencies'
3.	Programme meets minimum requirement of programme structure: • Technology component: 80 credits (academic programme) / 92 credits (TVET programme) • Theory / Knowledge based: 40% (academic & TVET programme) • Practical / modern tool usage-based: 40% (academic programme) / 50% (TVET programme)
4.	Programme has final year project
5.	Programme has been advised by external and industry advisors* to support its development and continuous quality improvement within the past two years.
6.	Programme has been evaluated* by external assessor in assessing and validating the quality and effectiveness of the programme implementation within the past two years.
7.	Programme has at least four technology courses emphasises the element of Complex Problems' (CP) and Complex Activities' (CA) in student assessment (e.g. 3CP & 1CA or 2CP & 2CA or 1CP & 3CA)
8.	Programme graduate attributes are developed with stakeholder involvement, well documented, and aligned with the MBOT graduate attributes
9.	Academic programme meets the minimum requirement of eight weeks of industrial training. For TVET programme, at least 20% of the total programme credits are allocated to work-based learning courses.
10.	Programme nomenclature includes the term 'Technology' or other terms that reflect a technology programme (e.g. <i>Bachelor of Information Technology with Honours</i> or <i>Bachelor of Computer Science with Honours</i>)
11.	Programme has been advised by external and industry advisors at least once every two years. The programme shall implement continuous quality improvement actions based on the input provided by the external and industry advisors.
12.	Programme has been evaluated by external assessors at least once every two years. The programme shall implement continuous quality improvement actions based on the input provided by the external assessors.**

* At least one external advisor and one industry advisor registered as a Professional Technologist.

** External assessor report shall use MBOT template.

